

1. **Mengapakah tarikh acara MILO Malaysia Breakfast Day 2025 - Pahang telah ditukar?**

Perubahan tarikh acara disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka. Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan. Walau bagaimanapun, penganjur akan tetap berusaha untuk memastikan bahawa acara ini akan berlangsung pada tarikh yang baru.

Untuk perhatian, tarikh acara telah ditunda kepada 20 April 2025.

Sehubungan itu, tarikh pengambilan kit larian juga telah diubah kepada 18 dan 19 April 2025.

Lokasi untuk kedua-dua perkara :

- Lokasi pengambilan kit larian: AKAN DIUMUMKAN
- Lokasi acara MBD Pahang: Padang Majlis Bandaraya 1, Kuantan

2. **Apakah tindakan seterusnya untuk peserta-peserta MILO Malaysia Breakfast Day 2025 – Pahang?**

Penganjur akan menghubungi semua peserta yang telah mendaftar SEBELUM 13 JANUARI 2025 untuk mengesahkan kehadiran anda.

Jika peserta ingin mendapatkan pemulangan yuran pendaftaran, sila klik pautan pada E-mel ATAU WhatsApp untuk menyerahkan butiran bayaran balik.

3. **Bilakah penganjur akan menghubungi peserta yang telah mendaftar?**

Antara tempoh sekarang sehingga 31 Januari 2025 Penganjur akan menghubungi semua peserta yang mendaftar SEBELUM 13 JANUARI 2025 melalui E-mel ATAU Whatsapp untuk mengesahkan kehadiran anda.

Sekiranya anda berminat untuk memohon pemulangan yuran pendaftaran DAN telah mendaftar untuk acara ini selepas 13 Januari 2025, sila e-mel [info@racexasia.com](mailto:info@racexasia.com) atau hantar mesej melalui WhatsApp ke +6011 5635 6002.

4. **Saya mendaftar untuk kategori kumpulan MILO Malaysia Breakfast Day 2025 – Pahang. Bagaimanakah saya dapat memohon pemulangan yuran pendaftaran?**

Yuran pendaftaran hanya akan dipulangkan kepada mana-mana satu ahli kumpulan anda sahaja yang mengisi borang permohonan terdahulu antara tempoh sekarang sehingga 31 Januari 2025.

5. **Bagaimanakah penganjur akan menghubungi peserta?**

Peserta hanya akan dihubungi melalui:

Emel Nestlé Home of Good: [no-reply@notifications.nestle.com.my](mailto:no-reply@notifications.nestle.com.my)

Akaun WhatsApp Perniagaan Nestlé Home of Good: +6 011-3011 6524. Sila mengambil perhatian dan jangan memberi maklumat peribadi anda kepada no. telefon atau e-mel yang lain.

6. **Bagaimana cara untuk mendapatkan pemulangan yuran pendaftaran?**

Peserta perlu klik pautan pada E-mel ATAU WhatsApp untuk menyerahkan butiran bayaran balik. Peserta boleh memilih untuk menerima pemulangan yuran pendaftaran melalui cara *bank transfer* ATAU *DuitNow* nombor telefon yang didaftarkan dengan bank anda.

7. **Apakah tarikh akhir untuk mengisi borang maklum balas?**

Peserta perlu mengisi borang yang dilampirkan pada pautan SEBELUM 31 JANUARI 2025. Segala permohonan pengembalian yuran pendaftaran tidak akan dilayan.

8. **Di mana saya boleh mendapatkan bantuan jika ada pertanyaan?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian khidmat pelanggan kami di 1800 88 3433 untuk mendapatkan bantuan. Bagi pertanyaan berkaitan pemulangan yuran pendaftaran, sila e-mel ke [info@racexasia.com](mailto:info@racexasia.com) atau hantar mesej melalui WhatsApp ke +6011 5635 6002.